

SEKURITI BURSA MALAYSIA BERHAD

NOTA AMALAN 32

KEHENDAK-KEHENDAK TAMBAHAN BAGI PENERBIT TERSENARAI YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI MOG

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	2 Januari 2018, 31 Mac 2018 (perenggan 7.0 dan 8.0 di bawah), 13 Mac 2019
	Perenggan 9.56, 10.15 dan 15.28

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini menetapkan kehendak-kehendak tambahan berkenaan dengan penzahiran, kelulusan pemegang syer dan tadbir urus yang perlu dipatuhi oleh penerbit tersenarai MOG, dan berhubung dengan perolehan atau pelupusan yang melibatkan Aset MOG.

2.0 Tafsiran

- 2.1 Bagi maksud Nota Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

Piawaian Pelaporan Boleh Terima ertinya piawaian pelaporan MOG dan piawaian penilaian MOG.

Aset MOG mempunyai erti yang diberikan kepada “**aset mineral**” atau “**aset petroleum**” atau yang setara dalam piawaian penilaian MOG, dan termasuk apa-apa hak, hak milik atau kepentingan untuk meneroka atau mengekstrak Aset MOG.

Rizab merujuk kepada yang berikut:

- (a) berhubung dengan mineral, Rizab Terbukti atau Rizab Mungkin sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG; dan
- (b) berhubung dengan O&G, Rizab Terbukti, Rizab Mungkin atau Rizab Munasabah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG.

Sumber merujuk kepada yang berikut:

- (a) berhubung dengan mineral, Sumber Terukur, Sumber Tertunjuk atau Sumber Teragak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG.

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

- (b) berhubung dengan O&G, Sumber Kontinjen atau Sumber Prospektif sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG.
- 2.2 Melainkan jika ditakrifkan selainnya dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian atau melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah "**orang berwibawa**", "**penilai berwibawa**" "**mineral**", "**piawaian pelaporan mineral**", "**piawaian pelaporan MOG**", "**piawaian penilaian MOG**", "**O&G**", "**piawaian pelaporan O&G**" dan "**organisasi profesional yang diiktiraf**" mempunyai erti yang diberikan kepada mereka dalam Garis Panduan Ekuiti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- 3.0 Kriteria penerbit tersenarai MOG**
- 3.1 Penerbit tersenarai yang memenuhi mana-mana satu kriteria yang berikut dianggap penerbit tersenarai MOG:
- (a) penerbit tersenarai yang aktiviti cari gali atau pengekstrakan MOG mewakili 25% atau lebih daripada jumlah aset, hasil, perbelanjaan operasi atau keuntungan selepas cukainya, berdasarkan penyata kewangan teraudit atau penyata kewangan disatukan teraudit yang terkini diterbitkan atau diumumkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) penerbit tersenarai yang telah menyelesaikan pemerolehan yang melibatkan Aset MOG yang termasuk dalam perenggan 10.11 atau 10.15 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 3.2 Untuk mengelakkan keraguan, penerbit tersenarai MOG tidak termasuk penerbit tersenarai yang semata-mata menyediakan perkhidmatan atau peralatan kepada perbadanan lain yang terlibat dalam perniagaan teras itu.

BAHAGIAN I – KEHENDAK-KEHENDAK PENZAHIRAN BERTERUSAN TAMBAHAN PENERBIT TERSENARAI MOG**4.0 Kehendak-kehendak penzahiran berterusan tambahan**

- 4.1 Perenggan 9.56 Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Bab 9 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai MOG mesti juga mematuhi apa-apa kehendak penzahiran lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.
- 4.2 Bahagian I Nota Amalan ini menetapkan kehendak-kehendak tambahan yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai MOG semasa membuat pengumuman serta-merta atau penzahiran berkala.

5.0 Piawaian Pelaporan Boleh Terima

- 5.1 Penerbit tersenarai MOG mesti –
- (a) menyediakan dan mengemukakan semua pengumuman, pernyataan atau laporan yang berhubung dengan Rizab atau Sumbernya dan hasil cari gali mengikut Piawaian Pelaporan Boleh Terima;

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

- (b) menyatakan Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai dalam pengumuman, pernyataan atau laporan itu; dan
 - (c) menggunakan Piawaian Pelaporan Boleh Terima kepada Aset MOGnya secara konsisten.
- 5.2 Semua data tentang Rizab atau Sumber penerbit tersenarai MOG mesti dikemukakan dalam jadual mengikut cara yang mudah difahami oleh orang bukan teknikal dan glosari istilah teknikal yang digunakan mesti disediakan. Semua andaian mesti dizahirkan dan pernyataan mesti termasuk anggaran jumlah, tanan dan gred.
- 5.3 Jika orang berwibawa atau penilai berwibawa dilantik untuk menyediakan pengumuman, pernyataan atau laporan, orang itu mesti juga mematuhi perenggan 5.1 dan 5.2 di atas dan Bahagian II di bawah.

6.0 Pengumuman serta-merta oleh penerbit tersenarai MOG

- 6.1 Penerbit tersenarai MOG mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa peristiwa yang berikut berhubung dengan aktiviti MOGnya:
- (a) apa-apa hasil cari gali material;
 - (b) apa-apa penemuan material Rizab atau Sumber baharu;
 - (c) apa-apa perubahan material kepada Rizab atau Sumber yang diterbitkan atau diumumkan sebelumnya;
 - (d) apa-apa laporan Rizab atau Sumber yang disediakan oleh orang berwibawa;
 - (e) apa-apa keputusan untuk membatalkan aktiviti MOG materialnya dan alasan bagi keputusan itu;
 - (f) apa-apa perubahan pada Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai, termasuk alasan bagi perubahan itu dan kesan, jika ada, terhadap tahap Rizab atau Sumber yang diterbitkan atau diumumkan sebelumnya; dan
 - (g) apa-apa pelantikan orang berwibawa atau penilai berwibawa baharu.
- 6.2 Dalam membuat pengumuman yang mengandungi mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan 6.1(a), (b), (c) di atas, penerbit tersenarai MOG mesti menyatakan -
- (a) bahawa pengumuman itu adalah berdasarkan, dan benar-benar menggambarkan, maklumat dan dokumen sokongan yang disediakan oleh orang berwibawa yang dinamakan; dan
 - (b) nama penuh, kelayakan profesional, tahun pengalaman yang berkenaan, keanggotaan dan perincian organisasi profesional yang diiktiraf, orang berwibawa itu.

Penerbit tersenarai MOG mesti menerbitkan salinan laporan orang berwibawa di laman sesawangnya dan menjadikan tersedia salinan untuk pemeriksaan di pejabat berdaftaranya seberapa segera yang dapat dilaksanakan dari tarikh pengumuman.

7.0 Laporan suku tahun penerbit tersenarai MOG

- 7.1 Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 9B Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai MOG mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam laporan suku tahunnya:
- (a) perihalan aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran yang dilakukan oleh penerbit tersenarai MOG semasa tempoh kajian semula. Sekiranya tidak ada, suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian; dan
 - (b) ringkasan perbelanjaan yang dilakukan bagi aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran semasa tempoh kajian semula.


8.0 Laporan tahunan penerbit tersenarai MOG

- 8.1 Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 9C Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai MOG mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam laporan tahunannya;
- (a) maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 7.1(a) dan (b) di atas semasa tahun kewangan; dan
 - (b) ringkasan Rizab atau Sumber setakat akhir tahun kewangan, termasuk pengemaskinian, jika ada, dan perbandingan dengan Rizab atau Sumber yang dilaporkan dalam tahun sebelumnya.

BAHAGIAN II – PIAWAIAN PENZAHIRAN BAGI PENGUMUMAN, PERNYATAAN ATAU LAPORAN BERHUBUNG DENGAN HASIL RIZAB, SUMBER DAN CARI GALI MOG**9.0 Kehendak-kehendak penzahiran berhubung dengan Sumber mineral dan Rizab mineral**

- 9.1 Menurut piawaian pelaporan mineral -
- (a) Sumber mineral dibahagikan, mengikut peningkatan keyakinan geologi, kepada kategori Teragak, Tertunjuk dan Terukur; dan
 - (b) Rizab mineral dibahagikan, mengikut peningkatan keyakinan, kepada Rizab Mungkin dan Rizab Terbukti.
- 9.2 Perhubungan antara hasil cari gali, Sumber mineral dan Rizab mineral sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 9.1 di atas ditunjukkan dalam rajah di bawah untuk tujuan ilustrasi:

Perhubungan umum antara hasil cari gali Sumber mineral dan Rizab mineral



(Sumber: Rajah 1 dalam Templat Antarabangsa bagi Pelaporan Hasil Cari Gali, Sumber Mineral dan Rizab Mineral yang disediakan oleh Jawatankuasa bagi Piawaian Pelaporan Antarabangsa Rizab Mineral)

- 9.3 Pada menzahirkan hasil cari gali, Rizab mineral dan Sumber mineral, penerbit tersenarai MOG mesti mematuhi yang berikut:
- menyokong penzahiran apa-apa anggaran Rizab mineral dengan sekurang-kurangnya Pra Kajian Kebolehlaksanaan;
 - menzahirkan anggaran Rizab mineral dan Sumber mineral dengan jelas dan berasingan;
 - sekiranya Sumber Tertunjuk dan Sumber Terukur adalah termasuk dalam analisis ekonomi -
 - memastikan kerja yang mencukupi telah dilakukan terhadap Faktor Pengubah Suai;
 - menzahirkan dan menerangkan asas mereka dianggap boleh diekstrak dari segi ekonomi;

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

- (iii) menzahirkan sama ada mereka diberi potongan sewajarnya bagi kebarangkalian penukaran kepada Rizab mineral;
 - (iv) menyatakan semua andaian dengan jelas; dan
 - (v) memasukkan pernyataan amaran yang dizahirkan dengan ketara, yang sesuai;
- (d) bagi harga komoditi yang diandaikan dalam Pra Kajian Kebolehlaksanaan, Kajian Kebolehlaksanaan dan penilaian Sumber Tertunjuk, Sumber Terukur dan Rizab mineral -
- (i) menzahirkan kaedah untuk menentukan harga komoditi itu berserta dengan semua andaian utama dan menerangkan asas mengapa harga itu menggambarkan pandangan munasabah bagi harga masa hadapan; dan
 - (ii) menggunakan harga kontrak sekiranya terdapat kontrak sedia ada bagi harga masa hadapan Rizab mineral; dan
- (e) mengelakkan daripada mengasaskan sasaran pengeluaran pada Sumber Teragak dan mengaitkan nilai ekonomi dengan Sumber Teragak.
- 9.4 Bagi maksud perenggan 9.3 di atas, istilah "**Kajian Kebolehlaksanaan**", "**Sumber Tertunjuk**", "**Sumber Teragak**", "**Sumber Terukur**" "**Pra Kajian Kebolehlaksanaan**" dan "**Faktor Pengubah Suai**" mempunyai erti yang diberikan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG.

10.0 Kehendak-kehendak penzahiran berhubung dengan Rizab O&G dan Sumber O&G

10.1 Menurut piawaian pelaporan O&G –


- (a) Sumber O&G dibahagikan, mengikut peningkatan kemungkinan pengkomersialan kepada Sumber Prospektif dan Kontinjen; dan
- (b) Rizab O&G dibahagikan mengikut peningkatan kebolehpulihan kepada Rizab Munasabah, Rizab Mungkin dan Rizab Terbukti.

10.2 Pengkategorian Sumber O&G dan Rizab O&G ditunjukkan dalam Rajah 2.1 dalam Garis Panduan bagi Penggunaan Sistem Pengurusan Sumber Petroleum yang ditaja oleh *Society for Petroleum Engineers, American Association of Petroleum Geologists, World Petroleum Council, Society of Petroleum Evaluation Engineers and Society of Exploration Geophysicists* ("**SPE-PRMS**") sebagaimana yang diturunkan di bawah bagi maksud ilustrasi:

Nota Amalan 32

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

Rangka kerja pengklasifikasian Sumber



(Sumber: Rajah 2.1 dalam SPE-PRMS)

- 10.3 Pada menzahirkan Rizab O&G dan Sumber O&G, penerbit tersenarai MOG mesti mematuhi yang berikut:
- (a) menzahirkan kaedah dan asas bagi pilihan anggaran, sekiranya anggaran Rizab O&G dizahirkan;
 - (b) menganalisis Rizab Terbukti dan Rizab Terbukti dan Mungkin (2P) secara berasingan dan menyatakan andaian utama dan asas metodologi dengan jelas;
 - (c) mengklasifikasikan dan melaporkan Sumber O&G dalam kelas Sumber yang paling khusus yang mereka boleh diklasifikasikan di bawah Piawaian Pelaporan Boleh Terima;
 - (d) menyatakan faktor risiko yang berkenaan dengan jelas sekiranya anggaran jumlah Sumber Kontinjen atau Sumber Prospektif dizahirkan;
 - (e) sekiranya Sumber Kontinjen yang dizahirkan menggambarkan anggaran agregat, zahirkan kaedah pengagregatan, yang mestilah sama ada penjumlahan aritmetik mengikut kategori atau pengagregatan statistik pengagihan yang tidak jelas hingga ke peringkat lapangan, harta tanah atau projek;
 - (f) mengelakkan daripada mengaitkan nilai ekonomi dengan Sumber Prospektif;

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

- (g) sekiranya nilai ekonomi dikaitkan dengan Rizab O&G atau Sumber O&G (selain Sumber Prospektif), zahirkan yang berikut:
- (i) nama penuh, kelayakan profesional, tahun pengalaman yang berkenaan, keanggotaan dan perincian organisasi profesional yang diiktiraf, penilai berwibawa;
 - (ii) Piawaian Pelaporan Boleh Terima;
 - (iii) kaedah penilaian dan asas bagi pilihan kaedah penilaian;
 - (iv) andaian utama yang digunakan dalam membuat penilaian dan asas untuk setiap andaian; dan
 - (v) analisis kepekaan terhadap penilaian yang timbul daripada perubahan yang dibuat terhadap andaian utama yang dinyatakan dalam subperenggan (iv) di atas; dan
- (h) sasaran pengeluaran asas hanya pada Rizab Terbukti dan Rizab Mungkin dan bukan pada Rizab Munasabah, Sumber Kontinjen atau Sumber Prospektif.
- 10.4 Bagi maksud perenggan 10.3 di atas, istilah **“Sumber Kontinjen”, “Rizab Munasabah”, “Rizab Mungkin”, “Sumber Prospektif”, “Rizab Terbukti”** dan **“Rizab Terbukti dan Mungkin (2P)”** mempunyai erti yang diberikan dalam Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai oleh penerbit tersenarai MOG.

BAHAGIAN III – KEHENDAK-KEHENDAK TAMBAHAN BAGI PEROLEHAN ATAU PELUPUSAN YANG MELIBATKAN ASET MOG**11.0 Perolehan atau pelupusan yang melibatkan Aset MOG**

- 11.1 Perenggan 10.15 Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai yang berhasrat untuk melakukan perolehan atau pelupusan yang melibatkan Aset MOG yang mana-mana satu nisbah peratusan transaksi ialah 25% atau lebih, mesti juga mematuhi apa-apa kehendak lain yang ditetapkan oleh Bursa.
- 11.2 Kehendak-kehendak tambahan yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai menurut perenggan 10.15 Kehendak-Kehendak Penyenaraian adalah seperti yang berikut:
- (a) masukkan maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Lampiran PN32-A dan Lampiran PN32-B masing-masing, dalam pengumuman kepada Bursa, dan surat pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang syer;
 - (b) lantik orang berwibawa dan pastikan laporan orang berwibawa tentang penilaian teknikal Rizab atau Sumber Aset MOG mematuhi kehendak-kehendak dalam perenggan 12 di bawah dan dimasukkan dalam surat pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang syer; dan
 - (c) lantik penilai berwibawa dan pastikan laporan penilai berwibawa tentang penilaian Aset MOG mematuhi kehendak-kehendak dalam perenggan 12 di bawah dan dimasukkan dalam surat pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang syer.

12.0 Laporan orang berwibawa dan laporan penilai berwibawa

- 12.1 Laporan orang berwibawa atau laporan penilai berwibawa mesti -
- (a) disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Boleh Terima;
 - (b) dialamatkan kepada penerbit tersenarai;
 - (c) menyatakan Piawaian Pelaporan Boleh Terima yang diterima pakai dalam menyediakan laporan; dan
 - (d) mematuhi kehendak-kehendak penzahiran dan kandungan laporan yang ditetapkan dalam Bab 17, Penggal 1, Bahagian II Garis Panduan Prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung dengan Kehendak-Kehendak Khusus Bagi Suatu Perbadanan dengan Cari Gali atau Pengekstrakan Aset MOG.
- 12.2 Laporan orang berwibawa dan laporan penilai berwibawa hendaklah ditarikhdan tidak lebih daripada 6 bulan sebelum tarikh surat pekeliling dikeluarkan kepada pemegang syer.
- 12.3 Mesti ada pernyataan dalam surat pekeliling kepada pemegang syer bahawa tiada perubahan material telah dilakukan sejak tarikh kuat kuasa laporan orang berwibawa dan laporan penilai berwibawa. Sekiranya penerbit tersenarai, orang berwibawa atau penilai berwibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyedari apa-apa hal keadaan atau perubahan yang signifikan yang mempunyai atau akan mempunyai kesan material terhadap kandungan, kesahan atau ketepatan laporan yang berkenaan sebelum tarikh pengeluaran surat pekeliling, orang berwibawa atau penilai berwibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan penerbit tersenarai mesti menyebabkan laporan itu dikemas kini. Sekiranya penerbit tersenarai gagal untuk berbuat demikian, orang berwibawa atau penilai berwibawa, mengikut mana-mana yang berkenaan, mesti menarik balik persetujuan untuk memasukkan laporan itu dalam surat pekeliling.
- 12.4 Penerbit tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa yang berikut, dengan serta-merta selepas penerbit tersenarai mengumumkan transaksi atau secepat mungkin setelah laporan yang berkenaan sedia:
- (a) 2 salinan laporan orang berwibawa;
 - (b) 2 salinan laporan penilai berwibawa; dan
 - (c) salinan setiap surat aku janji dalam bentuk Lampiran 6D Kehendak-Kehendak Penyenaiaan daripada orang berwibawa dan penilai berwibawa.
- Dalam apa-apa keadaan, penerbit tersenarai mesti mengemukakan laporan berserta dengan surat aku janji daripada orang berwibawa dan penilai berwibawa, kepada Bursa sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum ia mengemukakan draf surat pekelilingnya berhubung dengan transaksi kepada Bursa.
- 12.5 Bursa boleh merujuk mana-mana laporan orang berwibawa atau laporan penilai berwibawa yang diterima oleh Bursa kepada orang berwibawa atau penilai berwibawa yang lain untuk kajian semula, dengan kos penerbit tersenarai. Penerbit tersenarai dan orang berwibawa atau penilai berwibawa mesti mengemukakan kepada Bursa tepat pada masanya, apa-apa maklumat atau bantuan yang diperlukan berhubung dengan laporan orang berwibawa atau laporan penilai berwibawa.
- 12.6 Penerbit tersenarai, orang berwibawa dan penilai berwibawanya mesti mematuhi arahan, atau syarat yang dikenakan oleh Bursa dan dalam rangka masa yang ditentukan oleh Bursa.

Kehendak-kehendak Tambahan Bagi Penerbit Tersenarai Yang Terlibat Dalam Aktiviti MOG

- 12.7 Untuk mengelakkan keraguan, laporan orang berwibawa dan laporan penilai berwibawa yang disebut dalam perenggan 11.2(b) dan 11.2(c) di atas boleh disediakan oleh orang yang sama dengan syarat bahawa orang itu memenuhi kedua-dua kehendak orang berwibawa dan penilai berwibawa.

BAHAGIAN IV – KEHENDAK-KEHENDAK KHUSUS BAGI PENERBIT TERSENARAI ATAU SYARIKAT PEMEROLEHAN KEGUNAAN KHAS YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI MOG**13.0 Kriteria tambahan bagi pengarah bebas dan juruaudit luar**

- 13.1 Perenggan 15.28 Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa penerbit tersenarai termasuk dalam mana-mana satu daripada kategori yang berikut (secara kolektif disebut “**penerbit tersenarai tertentu**”) mesti mematuhi kehendak-kehendak tadbir urus tambahan yang ditetapkan oleh Bursa:
- (a) penerbit tersenarai yang diterima masuk sebagai perbadanan MOG di bawah Garis Panduan Ekuiti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
 - (b) SPAC yang berhasrat untuk memperoleh Aset MOG sebagai sebahagian daripada pemerolehan yang layaknya; atau
 - (c) penerbit tersenarai yang aktiviti cari gali atau pengekstrakan MOGnya mewakili 50% atau lebih daripada jumlah aset, hasil, perbelanjaan operasi atau keuntungan selepas cukai berdasarkan penyata kewangan terauditnya atau penyata kewangan disatukan terauditnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terkini diterbitkan atau diumumkan.
- 13.2 Dalam hal ini, penerbit tersenarai yang ditentukan mesti, secara berterusan, memastikan bahawa -
- (a) sekurang-kurangnya seorang pengarah bebasnya mempunyai pengalaman atau kepakaran cari gali atau pengekstrakan MOG yang sesuai; dan
 - (b) juruaudit luar yang dilantik olehnya mempunyai kepakaran industri cari gali atau pengekstrakan MOG yang berkenaan.
- 13.3 Bagi maksud perenggan 13.2(b) di atas, juruaudit luar boleh bergantung kepada pengalaman firma rantaikannya untuk menunjukkan bahawa ia mempunyai kepakaran industri cari gali atau pengekstrakan MOG yang berkenaan dengan syarat bahawa rakan kongsi yang bertanggungjawab daripada firma rantaikan itu terlibat dalam urusan itu.

Lampiran PN32-A

Maklumat tambahan tertentu yang perlu dimasukkan dalam pengumuman, jika berkenaan, berhubung dengan suatu Perolehan atau Pelupusan yang melibatkan Aset MOG

LAMPIRAN PN32-A

Maklumat tambahan tertentu yang perlu dimasukkan dalam pengumuman, jika berkenaan, berhubung dengan suatu perolehan atau pelupusan yang melibatkan Aset MOG
(perenggan 11.2(a))

- (1) Jumlah saiz kawasan konsesi dan lokasi operasi cari gali atau pengeluaran MOG.
- (2) Ciri-ciri penting perkiraan kontrak yang dibuat (contohnya konsesi, lesen atau kontrak perkongsian pengeluaran dan lain-lain) berkenaan dengan operasi cari gali atau pengeluaran MOG termasuk perihalan tentang hak undang-undang bagi aktiviti cari gali atau pengekstrakan dan kawalan ke atas Aset MOG.
- (3) Jumlah pembiayaan yang dikehendaki bagi operasi cari gali atau pengeluaran MOG dan sumber dananya.
- (4) Nilai Aset MOG berserta dengan asas penilaian itu.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN32-B

Maklumat Tambahan Tertentu yang perlu dimasukkan dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang Syer, jika berkenaan, berhubung dengan suatu Perolehan atau Pelupusan yang melibatkan Aset MOG

LAMPIRAN PN32-B

Maklumat tambahan tertentu yang perlu dimasukkan dalam surat pekeling kepada pemegang syer, jika berkenaan, berhubung dengan suatu perolehan atau pelupusan yang melibatkan Aset MOG

(perenggan 11.2(a))

- (1) Jumlah saiz kawasan konsesi dan lokasi operasi cari gali atau pengeluaran MOG, berserta dengan gambar rajah dan peta lokasi.
- (2) Ciri-ciri penting perkiraan kontrak yang dibuat (contohnya konsesi, lesen atau kontrak perkongsian pengeluaran dan lain-lain) berkenaan dengan operasi cari gali atau pengeluaran MOG termasuk perihalan hak undang-undang bagi aktiviti cari gali atau pengekstrakan dan kawalan ke atas Aset MOG.
- (3) Anggaran rangka masa untuk memajukan Aset MOG kepada pengeluaran komersial (jika berkenaan).
- (4) Anggaran Rizab atau Sumber berserta dengan asas kewujudan mineral atau O&G itu.
- (5) Nilai Aset MOG berserta dengan asas penilaian itu.
- (6) Jumlah pembiayaan yang dikehendaki bagi operasi cari gali atau pengeluaran MOG dan sumber dananya, sama ada pembiayaan hutang, pembiayaan ekuiti atau sumber pembiayaan lain dan perincian perbelanjaan pembangunan yang dilakukan hingga kini.
- (7) Nama penuh, kelayakan profesional, tahun pengalaman yang berkenaan, keanggotaan dan perincian organisasi profesional yang diiktiraf, orang berwibawa atau penilai berwibawa.
- (8) Risiko berhubung dengan operasi cari gali atau pengeluaran MOG yang secara material memberi kesan kepada penerbit tersenarai.

[Lampiran Tamat]